

TEKS PERASMIAN
YB. DATUK ROSNAH ABDUL RASHID SHIRLIN
TIMBALAN MENTERI KERJARAYA
KEMENTERIAN KERJA RAYA

PROGRAM PERMERKASAAN WANITA
“WOMEN POWER”
KEMENTERIAN KERJA RAYA TAHUN 2018

PADA 20 FEBRUARI 2018, DI CIDB CONVENTION CENTRE,
JLN CHAN SOW LIN, KUALA LUMPUR

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia
Negaraku,

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

Yang saya hormati puan-puan sekalian,

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Ilahi atas keizinanNya dapat kita bersama-sama di pagi ini berkumpul dalam Program Pemerkasaan Wanita 2018 dengan tema “Women’s Power”. Program ini diadakan bersempena dengan Tahun Memperkasa Wanita 2018 yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 17 Januari yang lepas. “Wanita Gemilang” dipilih sebagai slogan bagi Tahun Memperkasa Wanita 2018 atau singkatan TMW18 yang diwakili dengan bunga ros berwarna biru sebagai logo yang melambangkan ciri kewanitaan yang terbentuk daripada lima bulatan mewakili lima kluster iaitu Ekonomi, Pendidikan, Keselamatan, Kesihatan dan Kebudayaan.

2. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan sekalung terima kasih di atas kehadiran semua peserta pada hari ini dan tahniah kepada pihak urusetia yang telah berjaya menganjurkan program yang julung kalinya mengumpulkan semua warga wanita industri pembinaan.

Wanita dalam Industri Pembinaan

Hadirin sekalian,

3. Bak Pepatah Melayu **“Tangan Yang Menghayun Buaian Mampu Menggoncang Dunia”** kerana tangan yang sama ini juga mampu membawa perubahan dalam industri pembinaan. Bukti ini sungguh nyata seramai 26, 288 wanita telah berdaftar sebagai pemegang saham dalam kontraktor binaan.
4. Bukan sahaja dapat dilihat dibidang kontraktor malahan juga menerusi badan profesional yang bernaung di bawah Kementerian Kerja Raya, peningkatan wanita professional yang begitu agresif di Lembaga Arkitek Malaysia, Juruukur

Bahan Profesional dan tidak kurang juga yang telah berdaftar sebagai Jurutera Profesional dengan Lembaga Jurutera Malaysia.

5. Kita telah mengorak langkah lebih jauh lagi, semenjak tahun 2014, Kita dan agensi di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menganjurkan Konvensyen Usahanita Binaan atau KUBINA yang telah Berjaya menghimpunkan usahanita dan profesional wanita yang terlibat secara langsung dalam industri pembinaan. **KUBINA** telah mencipta sejarah dengan tertubuhnya Wanita Industri Binaan Malaysia yang merupakan sebuah persatuan yang menyediakan rangkaian kerjasama di kalangan wanita dalam industri pembinaan. Kita akan teruskan usaha murni ini melalui penganjuran KUBINA dan harapan kita pada tahun ini akan melonjakkan lagi momentum Wanita terutamanya di dalam industri binaan ke satu tahap yang lebih baik dan membanggakan.

6. Pengiktirafan demi pengiktirafan perlu diberikan kepada wanita yang benar-benar berdaing saing sebagai pemangkin dalam memperjuangan industry binaan. CIDB telah memperkenalkan Construction Leading Lady Award mulai tahun 2013. Oleh itu kita mengharapkan Wanita penggiat industri di luar sana rebutlah peluang yang sedia ada dan

Tahun Memperkasa Wanita 2018 & TN50

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Semasa pembentangan Bajet 2018, oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Beliau telah menyatakan 2018 akan menjadi Tahun Memperkasa Wanita. Pelbagai langkah, rangsangan dan inisiatif yang mesra wanita telah diperkenalkan. Segala aspek yang merangkumi dalam Bajet tersebut melangkau dari sekecil-kecil golongan wanita tanpa ada golongan yang tercicir.

8. Ini boleh dilihat daripada penambahan bilangan hari cuti bersalin, insentif menggalakkan wanita kembali bekerja, environment mesra wanita dengan adanya penyediaan pusat jagaan kanak-kanak ditempat bekerja malah penambahan dana kepada ibu tunggal melalui Dana Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan banyak lagi.

9. Bahkan, kesungguhan kerajaan dalam menaikkan jumlah wanita di dalam lembaga pengarah (BOD) GLC, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) serta badan berkanun sebelum berakhir 2018. Ini membuka ruang dan peluang kaum wanita yang berkemampuan dan mempunyai kepakaran menggembeleng tenaga bersama kaum adam dalam syarikat-syarikat ini. Saya menyeru semua kaum wanita untuk merebut peluang yang ada di hadapan kita ini.

10. Harapan kita juga agar peratusan kaum wanita di dalam badan pembuat keputusan politik juga perlu ditingkatkan

daripada 10.8 peratus kepada peratusan yang lebih tinggi lagi.

11. Adalah menjadi harapan saya, dengan pelbagai insentif dalam bajet baru-baru ini, diharapkan dapat juga mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi wanita dalam menjadi penyumbang utama dalam sektor pekerjaan negara ini.

Hadirin sekalian,

Work Life Balance (Keseimbangan Hidup Bekerjaya)

Puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Penglibatan wanita dalam tenaga kerja negara tidak dinafikan kepentingannya. Dalam masa yang sama, wanita perlu menggalas tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu. Pelbagai cabaran terpaksa ditempuhi wanita terutama

bagaimana untuk mengimbangi ekspektasi Ketua Jabatan dan keluarga.

13. Suka saya berkongsi kata-kata Hillary Rodham Clinton mengenai Work Life Balance iaitu **“Don't confuse having a career, with having a life”**. Pada hari ini, ramai wanita memberi fokus sepenuhnya dalam mengejar kerjaya sehingga lupa menjalani hidup yang seimbang. Secara peribadi, saya percaya tiada formula khusus sebenarnya dalam keseimbangan hidup bekerjaya. Contohnya membahagikan masa 50 peratus di pejabat dan 50 peratus di rumah adalah mitos dalam keseimbangan hidup bekerjaya. Bagi saya, keseimbangan hidup bekerjaya hanya dapat dicapai apabila seseorang individu mampu mencapai tujuan kehidupan menerusi kemampuan mental, fizikal dan rohani.

14. Wanita yang gagal mencapai keseimbangan hidup bekerjaya terdedah kepada pelbagai kesan negatif emosi dan fizikal. Punca utama ketidakseimbangan ini adalah kekangan masa, perasaan bersalah, kemajuan kerjaya dan tidak mampu berkata "TIDAK". Kesan negatif yang jelas adalah kepincangan hubungan kekeluargaan, masalah kesihatan (mental dan fizikal) serta produktiviti yang menurun.

15. Sehubungan dengan itu, saya menyeru semua pihak majikan khususnya dalam sektor pembinaan untuk menyediakan inisiatif-inisiatif yang dapat menarik dan mengekalkan golongan wanita dalam industri yang mencabar ini. Antara inisiatif yang boleh dipertimbangkan adalah *flexible working hour*, *on the job training*/ pementoran atau penggunaan teknologi terkini.

Wanita Penentu Masa Depan Negara

Hadirin sekalian,

16. Wanita adalah antara anugerah ciptaan Allah yang paling hebat. Halus perasaannya, indah bahasanya dan tajam pemikirannya. Dengan populasi separuh daripada rakyat Malaysia hari ini, sesungguhnya masa depan negara terletak pada tangan wanita jua. Wanita pendorong kejayaan lelaki dan keluarga. Juga menentukan hala tuju negara pada masa hadapan. Hebatnya seorang wanita adalah seorang ibu, majikan atau pekerja sekaligus. Fitrahnya seorang wanita adalah makhluk Allah yang paling kuat. Contohnya, siapa tidak mengenali Khadijah binti Khuwailid (seorang peniaga berjaya dan tulang belakang perjuangan Rasulullah S.A.W), Mother Teresa, Oprah Winfrey, Ilhan Omar dan ramai lagi wanita-wanita hebat yang telah berjaya mengubah persepsi dunia tentang wanita.

17. Tahun 2018 terutamanya di mana pilihanraya akan diadakan, memerlukan komitmen dan penglibatan semua wanita. Sebagai tonggak sesebuah negara, wanita bertanggungjawab memastikan semua ahli keluarga yang layak menjalankan hak masing-masing. Daftarliah sebagai pengundi sekiranya belum dan beramai-ramai kita keluar mengundi bagi menentukan masa depan kita dan keluarga.
18. Saya menyeru semua wanita, nilaikan kesejahteraan yang kita nikmati sekarang. Kajilah perancangan pembangunan negara yang telah dilaksanakan. Adakah landasan yang dibina sejak bertahun-tahun oleh pemimpin kita tidak memakmurkan negara ini? Dengan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan pergolakan politik yang berlaku di sekelilingnya, namun Malaysia masih utuh. Wajarkah kita mengubah apa yang ada pada hari ini kepada sesuatu tidak pasti? Renungkanlah wahai hadirin yang saya hormati.

19. Kepada wanita yang berstatus penjawat awam, berpegang kepada konsep Wala' dan taat kepada negara adalah dituntut sejak hari pertama dilantik. Ini kerana perkhidmatan awam adalah sektor yang paling dekat dengan rakyat. Kejayaan atau kegagalan sesuatu dasar atau keputusan yang dibuat oleh Kerajaan adalah terletak di tangan penjawat awam. Pelaksanaan tanggungjawab oleh penjawat awam juga adalah antara faktor yang menentukan jangka hayat sesebuah kerajaan yang dipilih rakyat.

20. Oleh itu, saya menyeru semua penjawat awam untuk kekal setia kepada kerajaan yang dipilih rakyat. Laksanakan tugas anda dengan penuh integriti dan jadilah barisan hadapan dalam menyampai kejayaan dan perancangan di masa hadapan kerajaan kepada rakyat. Kita bertanggungjawab menghadihkan masa depan yang

cerah kepada generasi muda kita, adalah tidak wajar kita mencatur masa depan mereka dengan sesuatu yang tidak pasti.

Puan-puan sekalian,

21. Akhir kata, cabaran wanita dalam industri yang didominasi oleh lelaki ini memang hebat. Ini tidak bermakna tiada ruang atau peluang untuk wanita sama-sama bersaing dalam industri pembinaan. Penggunaan teknologi terkini dalam industri pembinaan merupakan satu peluang yang patut direbut oleh wanita dalam industri ini. Bina jaringan dengan usahawan wanita lain di dalam dan luar negara selain persiapan mental dan fizikal.

22. Kerajaan juga telah menetapkan dasar, kemudahan dan pengiktirafan dalam membantu penglibatan wanita dalam guna tenaga di Malaysia. Terpulang pada wanita sekarang

untuk merebut peluang membangunkan diri/syarikat agar mempunyai kelebihan tersendiri berbanding syarikat lain

23. Saya juga yakin sekiranya semua wanita dalam bidang ini bersatu, berkongsi pengalaman dan kepakaran, para usahawan wanita pada hari ini akan mampu berdiri teguh dalam mengharungi cabaran di masa hadapan.

24. Saya sekali lagi ingin merakamkan terima kasih di atas kehadiran semua. Semoga anda semua diberkati dan saya mendoakan semoga saudari-saudari sekalian akan sentiasa diberkati Allah, diberikan kekuatan dan kesihatan untuk terus berjuang dan berkhidmat kepada agama, bangsa dan tanah air.

25. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahm, saya merasmikan Program Pemerkasaan Wanita 2018 pada hari ini.

Sekian, terima kasih.